

IPT perlu miliki formula 5C

Universiti tempatan kurang tenaga pengajar yang memiliki kriteria mampu jana kecemerlangan

B-H 26/02/03 M/S 14

Bicara

CANSELERI



Timbalan Rektor, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Prof Datuk Dr Md Tahir Azhar menyuarakan isu mengenai pencapaian dan kedudukan universiti di negara ini yang ketinggalan di peringkat global kepada wartawan pendidikan Berita Harian, Basir Zahrom.

KEBELAKANGAN ini ada kalangan pengurusan tertinggi institusi pengajian tinggi awam (IPTA) membangkitkan isu mengenai pencapaian dan kedudukan universiti di negara ini yang ketinggalan di peringkat global. Namun, jika melihat prestasi sekarang, adakah dengan bergantung kepada kurikulum sedia ada, IPTA mampu melonjakkan kedudukan?

Hakikatnya, pelbagai faktor perlu diteliti dan dilaksanakan sekiranya IPTA ingin terus bersaing dan melonjak nama di peringkat global.

Timbalan Rektor, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Prof Datuk Dr Md Tahir Azhar, berpendapat kurikulum adalah salah satu elemen yang boleh mengangkat institusi pendidikan mencipta nama.

Sukar untuk memberi takrifan sebenar mengenai sesuatu yang berlainan sifatnya kerana setiap universiti mempunyai fokus berbeza, misalnya Universiti Pendidikan Sultan Idris menumpukan bidang pendidikan, Universiti Utara Malaysia pula pengurusan, manakala IPTA lain dengan kebitaraan sendiri.

Adalah tidak adil jika kedudukan universiti dunia saja yang

menjadi ukuran dan agak keterlaluan kita membandingkan IPTA tempatan dengan institusi pengajian tinggi di Barat yang sudah bertapak ratusan tahun serta terkenal dengan tradisi kecemerlangannya seperti Universiti Harvard, Universiti Cambridge, mahupun Universiti Oxford.

Sukatan pelajar sesebuah universiti dirancang antara lain bertujuan melahirkan mahasiswa serba boleh dan mampu bersaing di peringkat global.


Apa yang perlu dititikberatkan adalah pelajar, tenaga pengajar dan infrastruktur yang disediakan terus segar dan relevan mengikut perkembangan semasa.

Bagi saya, kecemerlangan universiti boleh dicipta jika

kita mempunyai 5C iaitu Critical Mass (golongan yang memberi tumpuan kepada sesuatu kajian dengan terperinci), Commitment (komitmen), Continuity (kesinambungan), Consistency (prestasi konsisten) serta Competency (berdaya saing).

Masalah yang dihadapi universiti di negara ini ialah kekurangan tenaga pengajar yang memiliki kriteria terabit.

Misalnya, dalam bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D), negara kekurangan tenaga kerja, di mana berdasarkan nisbah, kita hanya mempunyai 21 orang yang memiliki ijazah sarjana muda, ijazah sarjana dan ijazah doktor falsafah (PhD) bagi setiap 10,000 pen-



MERCU TANDA: UIAM memberi penekanan menyeluruh terhadap penguasaan bahasa Inggeris, Arab dan pendedahan ilmu Islam.

“ Kecemerlangan universiti boleh dicipta jika kita mempunyai 5C iaitu Critical Mass (golongan yang memberi tumpuan kepada sesuatu kajian dengan terperinci), Commitment (komitmen), Continuity (kesinambungan), Consistency (prestasi konsisten) serta Competency (berdaya saing).

Dr Md Tahir Azhar
Timbalan Rektor, Universiti Islam Antarabangsa



FAKTA NOMBOR

156,000
jumlah
penyelidik

diperlukan mengikut nisbah
penduduk Malaysia

101,400
saintis

masih diperlukan

21:10,000
saintis

Nisbah dengan jumlah
penduduk Malaysia

60:10,000
sasaran

Nisbah saintis yang diperlukan
dengan penduduk Malaysia

duduk berbanding sasaran 60. Jika mengambil jumlah seluruh penduduk Malaysia seramai 26 juta, kita memerlukan 156,000 saintis dan 101,400.

Mengikut kemampuan penghasilan graduan berdasarkan tiga peringkat pengajian terabit, sasaran itu hanya mampu dicapai dalam masa 68 tahun dan jika kita mahu 100 peratus tenaga pengajar mempunyai PhD, (anggaran penghasilan purata 200 graduan PhD setiap tahun), kita memerlukan 557 tahun.

Namun, tempoh itu terlalu lama dengan masalah ahli akademik tempatan yang kerap berpindah apabila mendapat tawaran lebih tinggi.

Berbeza dengan di Barat, ahli akademik umpama seketul batu besar yang tidak boleh dialihkan, tidak seperti ahli akademik tempatan hanya seperti embun pagi.

Sukatan pelajaran lebih liberal kerana mereka mampu

menyediakan kemudahan pembelajaran kepada kanak-kanak sejak kecil lagi dengan memberi keutamaan bidang kemahiran, selain akademik yang turut disediakan sejak awal.

Md Tahir berkata, dua faktor menyebabkan mereka boleh melaksanakan sukatan pelajaran lebih liberal ialah berkemampuan dan memiliki tenaga pengajar mencukupi.

“Satu keunikan kurikulum kami ialah memberi penekanan secara menyeluruh tanpa pengecualian terhadap penguasaan bahasa Inggeris, Arab dan pendedahan ilmu Islam termasuk bidang kokurikulum.

“Semua kuliah menekankan pengislaman ilmu, berbeza di Barat yang mengetepikan agama. Kami bebas menyampaikan ilmu termasuk mengenai wahyu, ketuhanan, al-Quran dan Sunnah supaya dapat melahirkan graduan yang berfikiran terbuka dan sifat terpuji,” katanya.